

SERUAN MASJID

TAJUK KHUTBAH

Belum didapati

IMAM BERTUGAS Ustaz Saiful Azhar Abdul Wahab

Waktu Solat

Subuh 6.05

Zohor 1.25

Asar 4.34

Maghrib 7.27

Isyak 8.36



Wahai manusia
sembahlah Tuhan
yang menjadikan
kamu dan orang
orang yang
sebelum kamu
mudah mudahan
kamu bertakwa

14 MAC 2008

PERCUMA

JUMAAT

1429 HIJRAH

Kisah ini mengenai konflik yang berlaku di antara dua orang putera Nabi Adam a.s., yakni Qabil dan Habil. Apabila Allah menurunkan perintah agar mereka ini mempersembahkan korban, maka Habil menerima perintah tersebut dengan lapang dada dan memilih binatang ternakannya yang paling berkualiti untuk dipersembahkan kepada Allah dengan mengharapkan kerediaan Allah s.w.t. semata-mata. Sebaliknya pula, Qabil menerima perintah Allah dengan rasa terpaksa. Maka Qabil pun, mempersembahkan hasil pertanian yang paling buruk kepada Allah s.w.t. Dengan dua bentuk korban yang persembahan keduanya amat berbeza, maka tentulah Allah memilih korban yang baik dan dipersembahkan dengan hati yang ikhlas dan penuh pengharapan sebagai seorang hamba. Lantaran itu, Allah s.w.t. pun memerintahkan api untuk memakan korban yang dipersembahkan oleh Habil. Bagaimanapun, Qabil tidak merasa senang dengan keadaan tersebut dan merasa iri hati terhadap Habil.

Perasaan iri hati yang meluap-luap, akhirnya menimbulkan rasa dendam di dalam diri Qabil. Selain Qabil berdendam dengan Habil kerana korbannya yang terpilih, Qabil juga

turut mendendami Habil kerana ayahanda mereka menjodohkan Habil dengan saudara kembarnya yang lebih cantik berbanding dengan saudara kembar Habil. Sebaliknya, Qabil pula dijodohkan dengan saudara kembar Habil yang berupa paras lebih sederhana.

Apabila Qabil mempunyai kesempatan untuk melepaskan dendamnya, maka diapun menemui Habil dan menyatakan, "Sesungguhnya aku mahu membunuhmu." Habil pun bertanya dengan perasaan yang amat hairan, "Mengapa engkau mahu membunuh aku?" Jawab Qabil dengan hasad yang terbuku di dadanya, "Kerana Allah menerima korbanmu dan menolak korbanku, dan engkau akan menikahi saudara perempuanku yang cantik sedangkan aku pula harus menikahi saudara perempuanmu yang hodoh, sehingga orang lain akan berbicara bahawa engkau itu lebih baik daripada padaku dan keturunanmu akan berbangga kepada keturunanku."

Apabila Qabil berjaya membunuh Habil, timbul rasa menyesal dengan apa yang telah dilakukannya. Walau bagaimanapun, penyesalan tersebut hanya sia-sia kerana apabila Nabi

Adam mengetahui mengenai peristiwa tersebut, baginda tidak mahu menerima kembali anaknya itu dan diapun dihalau. Dalam keadaan yang terbuang, Qabil telah menerima hasutan dan pengaruh iblis yang akhirnya menjadikan dirinya sesat dan melakukan pelbagai perkara yang keji. Lantaran itu, Allah telah memusnahkan keturunannya ketika zaman Nabi Nuh a.s.

KISAH DARI AL QURAN

HABIL DAN QABIL

Oleh Ustaz Mahadi Dahlan

INFO SIHAT:

PENJAGAAN KESIHATAN MENURUT PANDANGAN PERUBATAN DAN ISLAM

Islam memandang berat soal penjagaan kesihatan ummatnya. Islam mengajar kepada kita untuk menjaga kesihatan dengan cara pencegahan sebelum ditimpa sebarang penyakit, "Mencegah itu lebih baik daripada berubat" sementara apabila ditimpa penyakit, maka kita disuruh untuk mengubatinya.

Ayat 82 :- dan Kami turunkan Dengan beransur-ansur dari Al-Quran Aya-ayat suci Yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang Yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang Yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.

Kesihatan Dalam Perubatan

"Complete physical, mental and social well being" – Kesempurna aktiviti fizikal, mental dan sosial yang baik. Dalam tahun 1985, WHO telah menambah spiritual – rohani sebagai suatu aspek yang menggambarkan seseorang itu mempunyai kesihatan yang baik ataupun tidak.

Konsep Pencegahan di dalam Islam. "Mencegah lebih baik daripada berubat" (preventive medicine).

Penjagaan kebersihan diri dan persekitaran.

Pemakanan yang seimbang Perlakuan dan aktiviti fizikal – senaman.

Hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Allah dalam aspek kerohanian

Kebersihan

Kebersihan amat dititikberatkan di dalam Islam. Sebagaimana yang disebutkan di dalam Hadith "Kebersihan itu sebahagian daripada Iman" Wajib untuk kita menjaga kebersihan yang seterusnya akan mengelakkan seseorang itu daripada

pelbagai jenis penyakit samada penyakit berjangkit (communicable) ataupun tidak (non communicable)

Firman Allah SWT:

"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa menyucikan diri."

Dari aspek perubatan, kebersihan memainkan peranan yang cukup penting dalam mengelakkan seseorang ditimpa penyakit, kebersihan yang dimaksudkan adalah meliputi kebersihan diri dan kawasan persekitaran. Diri dan persekitaran yang kotor akan mengundang pelbagai jenis vektor pembawa penyakit ke kawasan tersebut.

Makanan yang disediakan juga hendaklah dipastikan kebersihannya dan hendaklah dibasuh dengan cara yang betul dan dimasak dengan sempurna. Jangan sambil lewa dalam menyediakan juadah dan hidangan untuk keluarga.

Pemakanan Yang Seimbang

Dalam kehidupan seharian kita sering dihidangkan dengan pelbagai jenis masakan dan juadah bagi memenuhi keperluan jasmani kita dan membekalkan tenaga yang secukupnya dalam melakukan aktiviti sehari hari.

Allah telah menukilkan di dalam Al Quranul Karim melalui firmanNya:

"Wahai manusia, makanlah apa-apa diatas dunia ini dari makanan yang halal dan baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya dia adalah musuhmu yang nyata."

Firman Allah juga:

Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari apa-apa yang baik daripada rezeki yang dikurniakan oleh kami kepadaMu dan bersyukurlah kepada Allah dan kepadanya lah kamu bersembah sujud (beribadat)

Makanan yang kita makan sehari-hari adalah merupakan salah satu ibadat terhadap Allah apabila kita meniatkannya untuk membolehkan kita melakukan ibadat kepadaNya, oleh yang demikian amat perlu untuk kita memilih makanan yang kita makan dari jenis makanan yang berkhasiat dan baik bagi membolehkan kita mendapat manfaat yang optimum daripada apa yang kita makan.

Secara umumnya kaedah pemakanan yang seimbang adalah berdasarkan teori piramid makanan sebagaimana di bawah.

Aras Pertama:

LEMAK, MINYAK dan GULA Lemak. Minyak dan gula, juga makanan yang kaya dengan bahan ini terletak di Aras 1 Piramid. Ini menunjukkan hanya sedikit sahaja makanan daripada kumpulan ini yang perlu dimakan.

Aras Kedua:

HASIL TENSUSU Hasil tenusu juga terletak di Aras 2 Piramid. Contoh hasil tenusu adalah susu, keju dan dadih. Makanan ini kaya dengan protein, kalsium dan biasanya diperkaya dengan vitamin D. Pilihlah hasil tenusu rendah lemak.

SATU SAJIAN HASIL TENSUSU

- 1 gelas susu
- ½ cawan dadih rendah lemak
- 1 keping keju

Aras Ketiga:

DAGING, AYAM, IKAN dan KEKACANG Daging, ayam, ikan dan kacang terletak di Aras 3 Piramid. Makanan ini kaya dengan protein, vitamin b, zat besi, zink dan magnesium. Pilihlah daging rendah lemak dan buang semua lemak yang kelihatan pada daging dan ayam. Sekali sekala tukarkan penggunaan daging dengan kacang, kerana ianya rendah lemak dan kaya dengan serat. Contoh kacang adalah kacang soya dan hasilnya (seperti tahu dan tempe),

Oleh Farah

Air adalah satu daripada bahan yang paling banyak terdapat, dan tanpanya kehidupan menjadi mustahil. Laut dan lautan meliputi kira-kira tujuh per sepuluh daripada permukaan Bumi, tetapi air juga terkandung di dalam tanah, di atmosfera (*atmosphere*), dan di dalam semua benda yang hidup. Lebih separuh daripada badan manusia terdiri daripada air, yang juga merupakan sebahagian besar daripada makanan yang kita makan, terutamanya sayur-sayuran dan buah-buahan (Ensaiklopaedia Britannica).

"Adakah kamu memikirkan air yang kamu minum?" (56:68)

Ayat al-Qur'an yang pertama mengandungi perkataan *air* membawa dua mesej. Yang pertama ialah, dengan air yang diturunkan dari langit, rezeki daripada Allah dikeluarkan iaitu buah-buahan. Dan kedua, kita diingatkan supaya tidak mengadakan rakan-rakan bagi Allah sambil mengetahuinya. Ayat tersebut berbunyi,

" Yang membuatkan bagi kamu bumi sebagai sofa, dan langit, bangunan, dan menurunkan dari langit, air; dengannya Dia mengeluarkan buah-buahan untuk rezeki kamu. Maka janganlah mengadakan rakan-rakan bagi Allah dengan mengetahuinya." (2:22)

Air dari langit menumbuhkan segala jenis tumbuh-tumbuhan, bukan sahaja buah-buahan seperti yang disebut tadi. Dua wahyu yang indah, yang diturunkan di bawah ini, memberi keterangan lanjut mengenainya. Wahyu-wahyu itu bermaksud:

Dia yang menurunkan dari langit, air; dan dengannya Kami mengeluarkan tunas segala tumbuh-tumbuhan, dan kemudian Kami mengeluarkan daun-daun hijau, dan mengeluarkan daripadanya biji-bijian yang bersusun rapat, dan keluar daripada pohon palma, daripada seludangnya, kurma-kurma bertandan lebat yang boleh dicapai, dan kebun-kebun anggur, dan zaitun, dan delima, yang serupa sesamanya dan tidak serupa sesamanya.

Perhatikanlah pada buah-buahnya apabila mereka berbuah, dan masak. Sesungguhnya pada semua ini adalah ayat-ayat bagi kaum yang mempercayai." (6:99)

"dan menurunkan untuk kamu dari langit, air; dan Kami menumbuhkan dengannya taman-taman yang dipenuhi keindahan, yang pohon-pohonnya kamu tidak dapat menumbuhkan." (27:60)

Memang sungguh indah pemandangan taman-taman dan pohon-pohon yang ditumbuhkan Allah! Dan perasaan segar dan nyaman dinikmati apabila melihat bumi menghihau pada waktu pagi setelah Dia menurunkan air dari langit (pada waktu malam). Firman-Nya,

Tidakkah kamu melihat bagaimana Allah menurunkan dari langit air, dan pada waktu pagi, bumi menjadi hijau? Sesungguhnya Allah Halus, Menyedari." (22:63)

Air Dunia Air Akhirat



MUTIARA KATA

"1) Jangan sekali-kali kita meremehkan sesuatu perbuatan baik walau pun hanya sekadar senyuman.

2) Dunia ini umpama lautan yang luas. Kita adalah kapal yang belayar di lautan telah ramai kapal karam didalamnya.. andai muatan kita adalah iman, dan layarnya takwa, nescaya kita akan selamat dari tersesat dilautan hidup ini.

3) Hidup tak selalunya indah tapi yang indah itu tetap hidup dalam kenangan.

SIDANG REDAKSI

- Penaung** : Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz
Ketua.Pengarah JAKIM
- Penasihat** : Tn.Haji.Ghafani Awang Teh
Pengarah KESUMA
- Ketua Pengarang** : Imam Besar Masjid Negara
- Pengarang** : Mohd.Zuharee Mohd.Yatim
- Pen. Pengarang** : Subhi bin Ishak
Ustaz Jamali Adnan
Ustaz Saiful Azhar Wahab
Ustaz Mahadi Dahlan
Ustaz Nik Riduan Nik Muhammad
Ustazah Norfarazila Nordin
Encik Mohd Amin Mohd Nawi
- Edaran** : Fairuzaludsi b Haji Mokhtar
- Percetakan** : Zainal Abidin

AL-QURAN

A. PENDAHULUAN

Alqur'an, kitab Allah yang diturunkan kepada nabi terakhir untuk dijadikan pedoman bagi ummat muslimin dalam memperoleh kehidupan yang bahagia dan sejahtera di dunia ini, dan kebahagiaan abadi di akhirat kelak. Dalam Alqur'an terkandung berbagai penjelasan, petunjuk, pengajaran, pendidikan, dan nasihat serta peringatan guna menyadarkan manusia tentang fungsi, tugas dan kewajiban mereka sebagai makhluk Allah yang telah diangkat sebagai khalifah-Nya di bumi ini

Allah mengutus nabi-Nya yang terakhir, Muhammad saw untuk menyampaikan wahyu-Nya kepada semua manusia di muka bumi ini, agar manusia hanya berpegang pada satu ajaran agama yang diridloi-Nya, yaitu Islam. Dengan berpegang pada syariat Islam sepanjang hidupnya, maka manusia pasti akan memperoleh kesejahteraan dan kebahagiaan baik di dunia maupun di akhirat kelak.

Allah berfirman:

Sesungguhnya agama (yang diakui) di sisi Allah hanyalah Islam (q.s. Aly Imran 3:19).

Barangsiapa mencari agama selain Islam, maka tidaklah akan diterima agama itu daripadanya, dan dia di akhirat nanti termasuk orang-orang yang rugi (q.s. Aly Imran 3:78).

Hai orang-orang beriman, bertakwalah kepada Allah sebenr-benar takwa, dan janganlah kalian mati melainkan dalam keadaan beragama Islam (q.s. Aly Imran 3:102).

Ayat-ayat Alqur'an tersebut, menyatakan bahwa Allah SWT memerintahkan agar manusia menganut Islam dengan mentaati semua aturannya. Allah memerintahkan hamba-Nya agar tetap dalam Islam selama hidupnya, jangan sampai terjadi ketika ia menghembuskan nafasnya yang terakhir dia berada di luar Islam. Manusia akan dibangkitkan kelak seperti keadaan pada saat dia mati.

Rasulullah saw bersabda :

Semua hamba Allah akan dibangkitkan di akhirat nanti dalam keadaan seperti ketika dia mati (H.R. Muslim dan Ibnu Majah).¹

Manusia, memang ada diantara mereka itu orang yang beragama apabila menguntungkan baginya, namun apabila ditimpa musibah, mereka jauh dari mengingat Allah.

Allah berfirman dalam Alqur'an :

Sebagian dari manusia ada yang berbakti kepada Allah dengan tidak tetap. Jika mereka mendapat kesenangan, maka tentramlah dia beragama (menyembah Allah) itu, tetapi apabila bencana menimpanya, dia berbalik kepada kekufurannya, dia rugi di dunia dan di akhirat, yang demikian itu adalah kerugian yang nyata (q.s. al-Haj 22:11).

Jadi, umat Islam itu tidak dibenarkan bersifat bunglon mengikuti kemana angin bertiup. Umat Islam harus mempunyai keyakinan yang teguh dan istiqamah dalam beragama, janganlah tujuan beragama itu hanya sekedar untuk memperoleh keuntungan tertentu, dan agama akan ditinggalkan jika tujuan tersebut tidak tercapai.

The Koran and Hadith:

The Koran states explicitly that the messenger's duty was only to convey (*Balagh*) the **message (Koran 29:18)** contained in the Koran (**Koran 69:44**) and that the Koran was the only *Wahi* (revelation) given to the prophet to be conveyed to people (**Koran 6:19**), by testimony of God Himself. Therefore to follow the words of God in the Koran would be to follow the messenger. Thus following God is the same as following the messenger, who only conveyed the Koran (see **Koran 4:80**)

The inventions against the true words of God, revealed to the messengers, which is called their true speech (*Qawl*- **Koran 69:40**) are the so called "*Hadith*" (stories about the sayings and doings of the prophets) as narrated by the writers of the Old Testament, the Gospels of Jesus (i.e. the "*Hadith*" about Jesus), and the various *Hadith* about the prophet Muhammed contained in the many "extra-Koranic" books believed in by the *Sunni* and *Shia* schools of thought. People have attributed these things throughout history to the messengers, whereas the messengers could never have said them given the history of the documents and the Criterion (*Furqaan*) of the Koran (**Koran 2:185**)

Oleh Ustaz Subhi

MUZIK JUGA BOLEH BERTUKAR JADI SPAM ???

Jangan terkejut jika anda tersalah klik pada laman web yang salah akan menyebabkan anda menerima lebih 100 email spam sehari. Syukurlah sekarang ini terdapat bermacam-macam perisian penapis spam di pasaran dan ada juga yang boleh didapati secara percuma di internet. Walaubagaimanapun kecanggihan atau kepintaran spam semakin menjadi-jadi sehinggakan kebanyakan perisian penapis spam tidak dapat menapis dan membersihkan pc anda dengan berkesan. Biasanya spam akan datang dalam bentuk teks yang ringkas. Juru spam selalunya akan menggunakan kaedah licik untuk mencerdikkan spam. Selain teks, spam juga boleh menyerupai imej (.jpeg .gif .tif .bmp). Setakat ini penapis spam akan mencari kombinasi perkataan yang terdapat dalam mesej untuk memutuskan samaada ia adalah email spam atau tidak. Untuk melepasi protokol kawalan aras rendah ini, juru spam biasanya akan menggunakan imej yang memaparkan iklan teks. Penapis spam sudah tentu akan mengenal pasti imej tersebut sebagai JPEG fail dan seterusnya tidak dapat menganalisis kandungannya. Oleh kerana itu, pengimbas terbaru yang dibangunkan oleh firma keselamatan ICT besar sedang memberi tumpuan kepada OCR (Optical Character Recognition) dilengkapi dengan penyekat imej. Perisian tersebut akan mengubah kandungan grafik tersebut kepada teks dan menapis spam yang terdapat pada imej tersebut. Malangnya, kebanyakan pengimbas atau penapis yang percuma belum mengimplementasikan teknologi ini lagi. Seterusnya, juru spam menukar kaedah spam dengan menggunakan MP3 sebagai spam. Kini, pembangun perisian Anti Virus sedang menganalisa penyebaran spam melalui fail audio (MP3, WAV, WMA). Fail MP3 tersebut akan di attach kan dengan email yang biasanya tidak akan mengandungi sebarang teks atau subjek. Kebiasannya fail yang dibawa bersama email tersebut bernama elvis.mp3 atau Britney.mp3 atau mana-mana fail audio yang lain. Untuk keselamatan pc anda, **JANGAN SEKALI-KALI BUKA EMAIL TERSEBUT !!! Bahaya tau!!!**

PILIHAN YANG TERBAIK UNTUK NOTEBOOK PERTAMA ANDA

Anda tentu sudah lama mengidamkan NOTEBOOK impian anda berada dalam pelukan anda? Kini penggunaan NOTEBOOK atau komputer bimbit menjadi tren terbaru bagi semua peringkat golongan masyarakat bermula dari pelajar sekolah, pelajar ipt, peniaga, ahli perniagaan, professional, penulis, pegawai eksekutif malah kerani am pejabat. Harganya makin murah dan makin mampu untuk dimiliki. Namun begitu seharusnya kita berhati-hati ketika membeli mana-mana barang keperluan ICT terutama sekali NOTEBOOK. Di sini kita akan meneliti beberapa garis panduan atau tips dalam membeli NOTEBOOK terbaik, berpatutan dan yang penting sekali selamat untuk digunakan :

1) Unit Pemprosesan Pusat atau Central Processing Unit (CPU) adalah penting kerana semakin laju CPU maka semakin laju NOTEBOOK. Tapi harus diingat walaupun CPU tersebut laju dan mempunyai kelajuan Clock yang tinggi, tak bermakna ia mampu melakukan tugas dengan beban yang berat. Sebagai contoh : NOTEBOOK dengan CPU Intel Celeron D 2.0 GHz tidak sama dengan NOTEBOOK CPU Intel Pentium Dual Core 1.6 GHz kerana Intel Pentium Dual Core walaupun mempunyai kelajuan Clock yang rendah berbanding Intel Celeron D iaitu 1.6 GHz tapi kelajuannya dua kali ganda lebih laju dari Intel Celeron D. Ia bekerja seakan-akan dua CPU walaupun CPU nya hanya satu. Perlu diingat !!! Akan tetapi CPU yang paling laju dan latest sekarang ialah Intel Core 2 Duo. Jadi, pilihlah NOTEBOOK yang dilengkapi dengan CPU Intel Core 2 Duo.

2) Ingatan Capaian Rawak atau Random Access Memory (RAM) juga memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan tugas-tugas komputer. Ia adalah merupakan ingatan sementara yang akan menjadi pembantu yang baik kepada CPU. Semakin tinggi RAM maka semakin laju dan pantas NOTEBOOK itu beroperasi. Seelok-eloknya pilihlah NOTEBOOK yang mempunyai RAM : 1GB atau 2GB DDR2-RAM.

3) Cakera Keras atau Hard Disk (HDD) merupakan tempat simpanan data-data dan fail-fail pengguna. Jika anda gemar mengambil gambar dan mendengar lagu atau menyimpan banyak data-data penting maka ruang Hard Disk yang besar amat diperlukan. Contohnya 120 GB atau 160 GB. Pastikan ianya adalah Hard Disk SATA dengan kelajuan 5400RPM atau lebih.

4) Kad grafik juga memainkan peranan yang penting untuk mendapatkan hasil yang menarik dan berkesan terutama bagi pereka grafik yang professional yang sentiasa bergerak. Pastikan ianya Intel Graphics Media Accelerator X3100 atau lebih. Bagi hasil yang maksimum pastikan NOTEBOOK itu di-datangkan dengan kad grafik ATI Radeon 128MB atau 256MB dedicated RAM.

5) Pasikan pemacu DVD-RW sebagai pemacu optical yang menjadi pilihan utama. Kebanyakan model NOTEBOOK yang ada dipasaran dilengkapi dengan pemacu DVD-RW. Ini bermakna ia mampu membaca dan menulis CD-R, CD-RW, DVD, DVD-R, DVD-RW. Berhati-hati ya! Kerana ada di kalangan penjual cuba mengaburi mata pembeli dengan meletakkan DVD + CD-RW. DVD + CD-RW tidak sama dengan a n D V D - R W .

6) Untuk penggemar CHAT dan Video Conferencing, pastikan NOTEBOOK pilihan anda dilengkapi dengan kamera digital web integrated 2.0 Mega Piksel dengan Mikrofon terbina dalam (built-in).

7) Untuk akses internet, pastikan WiFi Intel Pro / Wayarles 3945 802.11 a / g / n dipasang pada NOTEBOOK anda. Biasanya ia Built-In. Cuma pastikan ianya ada ya. Kini teknologi WiFi draft N menjadi rebutan penggemar wayarles internet. Jadi pastikan ianya boleh diserasikan dengan internet w a y a r l e s d r a f t N .

8) Jika NOTEBOOK itu di-datangkan dengan FREEDOS atau tiada Sistem Pengoperasian yang dipasang siap, anda pilihlah Microsoft Windows XP Profesional. Tentu anda ingin mendapatkan sistem pengoperasian yang latest. Tapi untuk pengetahuan anda, Microsoft Windows Vista masih dalam peringkat testing market. Ini bermakna Windows Vista masih belum stabil dan banyak kekurangan. Lagipun Windows Vista tidak mampu untuk menyokong banyak perisian-perisian atau perkakasan yang lama. Kebiasaannya sistem pengoperasian keluaran syarikat Microsoft mengambil masa sekurang-kurangnya 5 tahun untuk stabil dan benar-benar selamat dan berkesan untuk digunakan. Jadi, kesimpulannya gunalah Microsoft Windows XP Profesional (harganya sekitar RM450 – RM500).

Itulah beberapa tips atau panduan yang saya mampu berikan kepada anda dalam memilih NOTEBOOK yang terbaik untuk anda. Jadilah pengguna yang bijak dan sederhana. :-)

~ Mohd Amin

Lebih informasi dan maklumat di : www.myhottips.blogspot.com

[Ingat Mati Sementara Masih](#)

Umat Islam sekarang suka berseronok dan bersuka ria. Apabila berbicara tentang mati, mereka hanya mengakui bahawa mati itu pasti datang. Sedikit sahaja yang mengambil langkah persediaan bagi menghadapi mati. Ramai yang membeli polisi insuran nyawa atau ke-malangan berbanding membuat persediaan menghadapi hari mati.

Di dalam Surah Al-Baqarah ayat 95, Allah telah menceritakan gelagat orang-orang Yahudi yang hidup melakukan dosa dan tidak memikirkan sangat soal mati. Firman Allah, “Dan sudah tentu mereka tidak akan mencita-citakan mati itu selama-lamanya, dengan sebab dosa-dosa yang telah mereka lakukan; dan Allah sentiasa mengetahui akan orang-orang yang zalim itu.”

Menurut Abdullah Bin Umar, Rasulullah s.a.w. telah bersabda, “Sesungguhnya hati-hati ini akan berkarat sebagaimana besi berkarat apabila terkena air.” Beliau lalu ditanya, “Ya Rasulullah, apakah penggilapnya?” Rasulullah bersabda, “Banyak ingatkan maut dan membaca Al-Quran.” [1]

PENJAGAAN AURAT

Perkara penjagaan aurat hampir tidak dibincangkan langsung pada hari ini, kita lihat orang-orang Islam mendedah aurat sama ada lelaki atau perempuan. Manusia mempunyai sangkaan sekiranya ia mendedahkan aurat untuk bersukan tidak berdosa dengan alasan bukan sengaja. Bolehkah diterima alasan ini? Sedangkan kita lihat ia sendiri yang memakai pakaian tersebut, dan ia sendiri yang masuk ketengah padang membuka pakaian luarnya meninggalkan seluar pendek ketat dan sedikit baju, bukan orang lain yang membuka atau memaksanya.

Kita tidak mendengar ketua-ketua masyarakat dan lainnya membuat saranan kepada orang ramai dalam perkara menutup aurat ini, ketika negeri atau kampung ditimpai musibah disediakan bantuan tempat perpindahan. Kita tidak mendengar ketua-ketua masyarakat yang mengajak manusia supaya kembali mentaati Allah.

Kita lihat di taman-taman perumahan atau di flat-flat disediakan surau, tapi kenapa tidak sampai sepuluh peratus yang hadir. Sedangkan program lain boleh diadakan seperti pertandingan bola sepak badminton, ratu cantik dan lain-lain.

Ada juga pertandingan kecantikan Masjid dan Surau, kenapa tidak pertandingan pengimarahannya. Kariah yang bilangan menutup aurat lebih ramai daripada yang mendedahkannya, supaya ketua-ketua masyarakat berlumba-lumba untuk menjadikan anak buahnya menutup aurat dan hadir berjemaah.

[Al-Quran > Surah Al-A'raaf > Ayat 26](#)

Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).

[Al-Quran > Surah An-Nuur > Ayat 31](#)

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki atau anak bagi saudara-saudara

mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam atau hamba-hamba mereka atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

[Al-Quran > Surah An-Nuur > Ayat 60](#)

Dan mana-mana perempuan tua yang telah putus kedatangan haid, yang tidak mempunyai harapan berkahwin lagi maka tidak ada salahnya mereka menanggalkan pakaian luarnya, dengan tidak bertujuan mendedahkan perhiasan mereka; dalam pada itu perbuatan mereka menjaga kehormatannya (dengan tidak menanggalkan pakaian luarnya itu adalah) lebih baik bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

[Al-Quran > Surah Al-Ahzaab > Ayat 53](#)

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke rumah Nabi (menunggu makanan masak kerana hendak makan bersama), kecuali kamu dijemput untuk menghadiri jamuan, bukan dengan menunggu-nunggu masa sajiannya; tetapi apabila kamu dijemput maka masuklah (pada waktu yang ditetapkan); kemudian setelah kamu makan maka hendaklah masing-masing bersurai dan janganlah duduk bersenang-senang dengan berbual-bual. Sesungguhnya yang demikian itu menyakiti dan menyusahkan Nabi sehingga dia merasa malu (hendak menyatakan hal itu) kepada kamu, sedang Allah tidak malu daripada menyatakan kebenaran dan apabila kamu meminta sesuatu yang harus diminta dari isteri-isteri Nabi maka mintalah kepada mereka dari sebalik tabir. Cara yang demikian lebih suci bagi hati kamu dan hati mereka dan kamu tidak boleh sama sekali menyakiti Rasulullah dan tidak boleh berkahwin dengan isteri-isterinya sesudah dia wafat selama-lamanya. Sesungguhnya segala yang tersebut itu adalah amat besar dosanya di sisi Allah.

[Al-Quran > Surah Al-Ahzaab > Ayat 55](#)

Tidak ada salahnya kepada perempuan-perempuan (yang tidak berpakaian yang melindungi anggota yang haram dipandang oleh lelaki asing itu) menemui bapa-bapa mereka, dan anak-anak lelaki mereka dan saudara-saudara lelaki mereka dan anak-anak lelaki saudara-saudara lelaki mereka dan anak-anak lelaki saudara-saudara perempuan mereka dan perempuan-perempuan Islam mereka, serta hamba-hamba yang dimiliki oleh mereka dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah sentiasa Menyaksikan tiap-tiap sesuatu..

Oleh Ustaz Subhi

Kematian adalah perjalanan yang pasti dilalui oleh semua manusia. Mereka tidak bisa menghindarinya. Allah swt berfirman: “Tiap-tiap yang berjiwa pasti mati...” (QS 3:185).

Perjalanan yang pasti dilalui itu mengisyaratkan kepada kita bahwa diri kita diselimuti berbagai rahasia dan misteri. Sampai hari ini, ilmu pengetahuan belum dapat memahami esensi kehidupan dan kematian. Allah swt menisbatkan mati dan hidup kepada Diri-Nya dalam berbagai ayat Al-Quran Al-Karim: “Yang menjadikan mati dan hidup...” (QS 67:2). “Dia-lah yang menghidupkan dan mematikan...” (QS 40:68).

Ilmu pengetahuan sampai saat ini belum dapat membedakan secara akurat antara sel-sel hidup dan sel-sel mati. Sel-sel hidup membangkitkan kegiatan kehidupan, sedangkan sel-sel kematian tidak mampu membangkitkannya; tetapi secara lahiriah perbedaan itu tidak dapat diketahui sebabnya. Padahal sebenarnya kedua jenis sel itu sama materi dan strukturnya. Keduanya terdiri atas kalsium, ferum, dan hidrogen. Hanya saja sel-sel hidup mampu membangkitkan kegiatan yang dahsyat yang tidak mampu dilakukan oleh sel-sel mati. Sel-sel hidup itu pun tidak akan mati sampai terhentinya kegiatan kehidupan yang didukungnya. Anehnya, ketika kehidupan terhenti sel-sel itu juga tidak berkurang strukturnya sama sekali.

Surat kabar Iththila'at di Iran, edisi 10160, pernah menulis tentang komentar pertemuan ilmiah yang diadakan untuk mengkaji seputar masalah tersebut:

"Setelah seribu tahun yang akan datang, manusia akan dapat mengungkapkan misteri kehidupan, tetapi bukan berarti bahwa manusia akan dapat menciptakan lalat, serangga, ataupun sel-sel hidup. Objek kajian seperti itu ditegaskan oleh para ilmuwan pada seminar dengan topik Darwin. Pada akhir seminar itu, seorang profesor dari Amerika, Hans, mengumumkan bahwa pada seribu tahun yang akan datang, para ilmuwan akan dapat mencurahkan perhatiannya untuk mengungkap misteri kehidupan."

Dari ungkapan tersebut dapat dipahami bahwa persoalan mati dan hidup berada di luar kekuasaan manusia. Setiap manusia pasti mati

pada suatu saat nanti. Yang bisa dilakukan oleh ilmu pengetahuan hanyalah menjauhkan sebagian sebab-sebab kematian dari manusia. Misalnya, penemuan berbagai bakteri penyakit, serum yang dapat menjaga dan menolak penyakit, perkembangan ilmu kedokteran dan ilmu bedah, serta pembasmian penyakit menular dan sebagainya.

Ada juga upaya-upaya yang bagus untuk menghilangkan ketuaan pada diri seseorang dan memanjangkan umur manusia sebatas yang bisa dilakukan. Sayangnya, setiap kajian yang dilakukan untuk memperpanjang umur manusia hanya berkisar pada pencegahan penyakit dan pengobatannya, baik yang menyangkut penyakit saraf maupun penyakit jiwa. Akan tetapi, semua kajian itu sama sekali tidak dapat mengusik-usik pengaruh perilaku manusia terhadap panjang umurnya, atau pengaruh dosa terhadap berkurangnya umur. Semua itu kembali kepada perilaku ilmu pengetahuan itu sendiri yang membatasi dirinya hanya pada tabung-tabung penelitian, kajian sebab-akibat yang sifatnya material, dan mengabaikan semua hal yang tidak masuk ke dalam kerangka inderawi dan percobaan yang berdasarkan sebab-akibat tersebut. Akibat kerangka pemikiran yang sempit itu, hubungan sebab-akibat yang non-material tidak dapat dipahami dan tidak masuk akal. Misalnya, hubungan antara kebohongan dan memutuskan silaturahmi dengan berkurangnya umur. Begitu pula hubungan antara kejujuran dan silaturahmi dengan panjangnya umur.

Hubungan sebab-akibat seperti itu tidak mungkin masuk dalam kerangka uji-coba penelitian material, karena hubungan tersebut berkaitan dengan hal-hal gaib yang disampaikan kepada kita melalui hadis-hadis yang bersumber dari wahyu Ilahi.

*dari email
ustazsubhi*

Rahasia ✨
Kematian
dan
Kehidupan ✨